

# Mahasiswa perlu bijak urus pinjaman

UTUSAN MALAYSIA  
14/11/2016 p. 11

Oleh PROF. MADYA DR. MOHAMAD FAZLI SABRI

SUASANA kehidupan di kampus berlainan dengan suasana persekolahan. Dahulu semasa di alam persekolahan semuanya diuruskan oleh ibu bapa tetapi kini mahasiswa perlu mengambil tanggungjawab tersebut. Di samping mengulang kaji pelajaran, melengkapkan tugas dan belajar untuk peperiksaan, mahasiswa juga perlu mengurus sumber kewangan mereka sendiri.

Sumber kewangan mahasiswa sangat terhad di mana pendapatan utama mereka diterima daripada biasiswa, pinjaman pendidikan dan bantuan kewangan daripada ibu bapa atau ahli keluarga. Wang yang diterima ini perlu diurus dan dibelanjakan secara bijak dan berhemah. Kemahiran pengurusan kewangan peribadi amat penting dalam usaha untuk memastikan kelangsungan hidup (survival) mahasiswa dalam situasi ekonomi semasa yang tidak menentu.

Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) adalah sebuah agensi di bawah Kementerian Pendidikan Tinggi yang menawarkan pinjaman untuk pelajar melanjutkan pendidikan tinggi di Malaysia. Bagi mahasiswa di institusi pengajian tinggi awam dan mengikuti kursus ijazah sarjana muda sastera misalnya, mereka akan menerima wang pinjaman pendidikan daripada PTPTN sebanyak RM3,090 untuk tempoh satu semester.

Anggaran yuran pengajian yang dikenakan adalah sebanyak RM1,400 bagi satu semester. Ini bermakna wang pinjaman PTPTN bersih yang diterima adalah sebanyak RM1,690. Jumlah ini perlu diurus untuk menampung keperluan perbelanjaan selama satu semester atau empat bulan.

Secara purata, seorang mahasiswa akan mempunyai pendapatan bulanan sebanyak RM420 daripada pinjaman pendidikan mereka.

Berdasarkan senario di atas ramai dalam kalangan mahasiswa menyatakan bahawa amaun yang diterima tidak mencukupi untuk menyara kehidupan di kampus. Walau bagaimanapun, ada yang menyatakan bahawa mereka boleh menyimpan daripada wang pinjaman pendidikan yang diterima. Malahan ada yang boleh



**MAHASISWA perlu bijak mengurus perbelanjaan ketika masih belajar dan membayar balik pinjaman pendidikan bagi mengelak rekod buruk di dalam Sistem Maklumat Rujukan Kredit Pusat (CCRIS). - GAMBAR HIASAN**

membantu keluarga mereka pula.

Harus diingatkan bahawa wang cukup atau tidak wang adalah suatu yang bersifat subjektif, sukar diukur dan tidak sama untuk semua individu. Perbincangan di sini bukanlah bertujuan menentukan sama ada jumlah pinjaman diterima itu mencukupi atau sebaliknya. Persoalan utama yang perlu difikirkan adalah bagaimana wang pinjaman pendidikan itu diurus dan dibelanjakan.

Kemahiran pengurusan kewangan ini perlu dikuasai mahasiswa sebelum melangkah ke alam pekerjaan yang serba mencabar. Selepas mempunyai kerjaya, komitmen kewangan semakin bertambah terutama apabila mereka mula mengambil pelbagai pinjaman seperti pinjaman kenderaan, peribadi, kad kredit dan perumahan. Mereka yang mempunyai literasi kewangan yang rendah, sudah pasti beban hutang yang ditanggung akan menjadi masalah besar dalam hidup.

Berlainan pula bagi mereka yang mempunyai pengetahuan dan kemahiran pengurusan kewangan peribadi. Lantaran itu, mengurus wang pinjaman pendidikan adalah salah satu kaedah efektif untuk mahasiswa belajar cara menguruskan sumber kewangan mereka yang terhad.

Ini termasuklah soal bagaimana wang mereka diagihkan, ke mana wang dibelanjakan dan bagaimana wang tersebut boleh digandakan. Dua kemahiran asas pengurusan kewangan peribadi yang penting di sini adalah soal penyediaan bajet dan merekodkan perbelanjaan.

Bajet atau rancangan per-

belanjaan boleh disediakan dalam bentuk mingguan atau bulanan atau semester mengikut kelesaan masing-masing.

Penyediaan bajet menuntun seseorang untuk menyenaraikan *item* perbelanjaan yang sering dilakukan misalnya makanan dan minuman, keperluan pembelajaran, aktiviti kokurikulum dan perbelanjaan lain, melalui bajet yang disediakan mahasiswa dapat membuat perbandingan di antara jumlah anggaran dan jumlah perbelanjaan sebenar. Seterusnya mahasiswa akan melihat sama ada perbelanjaan yang dilakukan melebihi daripada pendapatan (wang pinjaman pendidikan) yang diterima atau sebaliknya.

Sekiranya ada lebih wang pada bulan tersebut, bolehlah dibuat simpanan atau gunakan untuk keperluan perbelanjaan lain. Sekiranya berlaku defisit, mereka perlu melihat semula ke mana wang tersebut dibelanjakan. Mahasiswa boleh mengenal pasti *item* perbelanjaan yang kurang penting seperti makan di luar, pembelian gajet dan aksesori dan aktiviti hiburan seperti menonton wayang. Bukan tidak boleh dan tidak salah sekali sekala berbelanja ke atas *item* itu.

Gaya berbelanja perlu diubah sesuai dengan status sebagai seorang pelajar. Kaedah lain yang boleh difikirkan untuk menampung defisit tadi adalah dengan mencari pendapatan tambahan sama ada dengan melakukan kerja sampingan atau menggunakan kemahiran dan bakat yang ada pada diri sendiri, asalkan ia tidak mengganggu pembelajaran.

Catatkan semua perbelanjaan

Anggaran yuran pengajian yang dikenakan adalah sebanyak RM1,400.00 bagi satu semester. Ini bermakna wang pinjaman PTPTN bersih yang diterima adalah sebanyak RM1,690.00.

dibuat dan jadikan ini sebagai satu budaya. Hampir semua mahasiswa memiliki telefon pintar tetapi berapa ramai yang telah memuat naik aplikasi pengurusan kewangan peribadi pada telefon pintar mereka serta menggunakannya?

Terdapat pelbagai aplikasi yang boleh dimuat naik secara percuma antaranya *Buku Bajet, Money Manager Expense & Budget, Wallet & Budget Tracker, eZ Budget Planner* dan pelbagai lagi. Tiada alasan sekiranya mahasiswa sendiri tidak mengetahui ke mana wang mereka dibelanjakan. Gunakan kemudahan teknologi yang ada dengan sebaiknya.

Pengalaman berada di kampus selama empat tahun adalah satu tempoh masa yang sesuai untuk mahasiswa memantapkan pengetahuan dan kemahiran berkaitan pengurusan kewangan peribadi.

Biasanya mahasiswa yang bijak mengurus kewangan mereka mempunyai pencapaian akademik yang baik. Amalkan hidup dalam kesederhanaan, ubah cara gaya hidup dan jadikan amalan pengurusan kewangan yang betul sebagai budaya hidup anda sebagai mahasiswa.

Mahasiswa disaran agar belajar untuk mengurus pinjaman pendidikan yang diterima sebaik mungkin dan berhemah. Ini kerana keupayaan mengurus kewangan secara bijak ketika belajar akan membantu dan memudahkan mereka untuk membayar balik pinjaman PTPTN selepas bergraduat. Seterusnya dapat mengelak rekod buruk di dalam Sistem Maklumat Rujukan Kredit Pusat (CCRIS).

**PENULIS** ialah Ketua Jabatan Pengurusan Sumber dan Pengajian Pengguna, Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia (UPM).